

27 JUL 2002

Mahathir-Ekstremisme/I

TAHAP EKSTREMISME DI MALAYSIA SEMAKIN TERUK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Ekstremisme berasaskan kaum semakin teruk di kalangan generasi muda negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), berkata ekstremisme berasaskan kaum di negara ini semakin serius berbanding sebelum ini yang penduduk daripada latar belakang yang berbeza dapat bercampur gaul antara satu sama lain.

"Tidak ada keraguan langsung (tentang) itu. Generasi saya, contohnya, kami bebas bercampur gaul, kami hidup bersama, bermain bersama dan bekerja bersama. Tetapi sekarang, generasi muda tidak rapat... Okay, mungkin anda belajar di sekolah yang berlainan tetapi sekurang-kurangnya bermainlah bersama, ada interaksi. Dengan ini, barulah kita boleh membentuk interaksi yang lebih erat (di kalangan kaum)," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-49 di Wisma MCA di sini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan semua pemimpin parti-parti komponen BN.

Dr Mahathir berkata semua masyarakat negara ini mempunyai kumpulan ekstremis masing-masing dan ekstremis itu tidak mengendahkan sensitiviti kaum lain.

"Apabila mereka menggalakkan cara ekstremis, kaum lain juga akan membalas dengan menjadi lebih ekstrem dan akibatnya, keharmonian kaum di negara ini terjejas. Kita akan bersemuka dengan satu sama lain, akan timbul banyak tekanan dan apa yang berlaku pada 1969 boleh berulang lagi," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kerajaan cuba membendung bentuk ekstremisme itu dan satu daripada caranya ialah memperkenalkan Sekolah Wawasan yang menempatkan sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil di kawasan yang sama tetapi masyarakat Cina tidak bersetuju dengan langkah itu.

"Jika mereka tidak mahu (ke) sekolah yang sama, sekurang-kurangnya biarlah sekolah itu berdekatan satu sama lain. Anda boleh bermain bersama, berhimpun bersama dan bila kembali ke sekolah masing-masing, tidak ada yang berubah di sekolah itu," katanya.

Menurutnya Sekolah Wawasan bagus kerana idea asalnya ialah semua rakyat Malaysia akan ke sekolah kebangsaan yang sama tetapi hakikatnya mereka ke sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil.

"Mereka tidak berpeluang untuk bersama-sama dan ini tidak elok untuk masa depan. Kami semua dibesarkan bersama, (Datuk Seri Ling) Liong Sik, Pak Lah (Abdullah), kami semua, jiran-jiran saya orang Cina dan India. Saya tidak ada masalah.

"Semasa di universiti pun, saya berkongsi bilik yang sama dengan pelajar Cina. Saya masih lagi orang Melayu dan beragama Islam dan begitu juga dia, masih orang Cina...tiada apa yang berubah hanya kerana kami tinggal sebilik," kata beliau.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata keadaan itu kini berbeza dengan para pelajar tidak mahu berkongsi bilik malahan di dewan syarahan, pelajar Melayu akan duduk bersama pelajar Melayu dan pelajar Cina dengan kumpulannya.

"Kemudian, apabila tamat pengajian dan mahu bekerja, mereka mendapati majikan dan rakan sekerja adalah dari kaum lain, mereka tidak dapat menyesuaikan diri. Kita tidak melakukan ini untuk satu-satu kaum sahaja

tetapi demi kebaikan negara ini," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata keadaan ini berpunca daripada fahaman politik sempit sesetengah golongan dengan "ada orang yang sengaja mengajar anak kita supaya jangan bercampur dengan kaum lain kononnya jika kita bercampur dengan kaum lain, kita akan jadi lain".

Katanya dalam politik juga parti-parti ekstremis dilihat semakin mendapat sokongan di kalangan orang Melayu.

"Ada sokongan untuk PAS, yang tidak mahu bekerjasama dengan masyarakat lain... sudah tentu mereka mahukan undi, itu perkara lain. Tetapi tidak ada tanda-tanda yang mereka mahu bekerjasama dengan parti-parti lain," katanya.

Perdana Menteri berkata parti-parti komponen BN tidak mempunyai masalah dengan perpaduan kaum dan ini dapat dilihat daripada mesyuarat-mesyuarat parti komponennya.

"Saya datang ke mesyuarat MCA dan saya diberi sokongan yang sama semasa saya ke msyuarat Umno, malah mereka melaungkan "Hidup Mahathir". Bayangkan, semasa saya dilantik (sebagai Perdana Menteri) semua kata "Ya Tuhanku, apa nak jadi" tetapi kini mereka kata "Ya Tuhanku, dia nak letak jawatan"...keadaan sudah berubah sekarang," katanya.

-- BERNAMA

SR AT AO NAK